

[Halaman Utama](#) » [Sabah](#) » CIMB Labuan jayakan program CSR bersama komuniti nelayan

CIMB Labuan jayakan program CSR bersama komuniti nelayan

Julai 21, 2025, Isnin - 2:41pm



KOMUNITI: Norlela bersama kakitangan CIMB Bank Berhad Cawangan Luar Pesisir Labuan dan komuniti nelayan.

LABUAN: Komitmen membantu komuniti terus dizahirkan CIMB Bank Berhad Cawangan Luar Pesisir Labuan apabila tampil menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama penduduk Kampung Sungai Miri-Sungai Pagar, di sini.

Program berkenaan merangkumi aktiviti mengecat semula bot nelayan dan pemeriksaan kesihatan percuma, dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta sukarelawan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Pengurus Besar CIMB Cawangan Luar Pesisir Labuan, Norlela Omar, berkata usaha itu adalah sebahagian daripada inisiatif pihaknya untuk menyantuni masyarakat setempat, khususnya golongan nelayan yang menjadi antara tonggak penting ekonomi Labuan.

“Sebagai bank yang sudah lama bertapak di Labuan, kami sentiasa merasakan menjadi tanggungjawab untuk mendekati komuniti di sini.

“Nelayan dan komuniti kampung adalah sebahagian daripada ekosistem masyarakat yang perlu diberi perhatian dan kami berbesar hati dapat bersama-sama menyumbang melalui program sebegini,” katanya

Menurutnya, penglibatan secara langsung dalam program seperti ini bukan sahaja dapat memperkukuh hubungan antara pihak swasta dan masyarakat, malah memberi impak positif dari segi kebajikan dan kesedaran kesihatan penduduk kampung.



AKTIVITI: Norlela turun bersama komuniti nelayan mengecat semula bot nelayan yang merupakan aktiviti CSR.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Kampung Sungai Miri-Sungai Pagar, Mahmud Asat, menzahirkan penghargaan terhadap usaha CIMB dan semua rakan kerjasama yang terbabit.

Beliau berkata, keprihatinan sektor korporat terhadap kebajikan masyarakat luar bandar, khususnya golongan berpendapatan rendah, amat dialu-alukan.

“Kami amat berterima kasih atas sumbangan dan inisiatif ini yang jelas memberi manfaat kepada penduduk kampung.

“Diharapkan lebih banyak agensi korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) tampil melaksanakan program sebegini di kampung-kampung sekitar Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

oleh Hamzah Sanudin

Kategori [Sabah](#)